

Malaysia perluas usaha perangi dadah



KUALA LUMPUR, Sabtu — Malaysia tidak puas hati dan kesal dengan undang-undang dadah di peringkat antarabangsa yang masih kurang berkesan membasmi wabak dadah yang kian berleluasa.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam menegaskan demikian.

Dalam rundingannya dengan Penolong Setiausaha Negara Amerika Syarikat untuk Asia Timur dan Pasifik, Dr. Paul Wolfowitz, beliau menegaskan kerajaan Malaysia bukan sahaja sedang berusaha memerangi dadah secara habis-habisan di peringkat dalam negara, malah hingga ke peringkat antarabangsa.

Untuk itu kerajaan bersedia mengkaji cadangan-cadangan

● DATUK MUSA HITAM yang dianggap berasas dan konkrit dalam usaha membanteras dadah, musuh nombor satu negara," katanya.

Jurucakap rasmi Pejabat Timbalan Perdana Menteri memberitahu Datuk Musa sejam berbincang dengan Dr. Wolfowitz mengenai perkara-perkara kepentingan bersama dan antarabangsa.

Datuk Musa juga berpendapat program-program antarabangsa seperti tanaman gantian bagi pokok popi gagal memerangi pengaruh dadah di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata rancangan Amerika Syarikat menggalakkan tanaman gantian di negara-negara yang menanam pokok popi masih tidak berupaya menyekat pengeluaran dadah.